



# BULETIN MPSK

Edisi 2021 Vol 1

KEDAH SEJAHTERA NIKMAT UNTUK SEMUA

Edaran Percuma

[www.mpspk.gov.my](http://www.mpspk.gov.my)



Bersama  
Hentikan  
Wabak  
COVID-19

**MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI**  
Sungai Petani Municipal Council



TAHNIAH KEPADA SEMUA PENERIMA  
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



08 Lawatan Kerja KPKT ke Taman Sri Jenaris & Paya Nahu

12 Majlis Penyampaian Sumbangan dan Berbuka Puasa bersama MB Kedah

16 Operasi Pemulihan Kawasan Bencana Kepala Air di Tupah, Merbok

# EDITORIAL

Pengerusi/Penaung  
Tuan Haji Syed Khairol Anuar bin Syed Abidin  
AMK.,BCK.,ASK.,  
Yang Dipertua, MPSPK

Penasihat  
Sunita binti Abdul Aziz  
AMK., BCK.,  
Setiausaha, MPSPK

Editor  
Faten binti Sobri  
Ketua Bahagian Perhubungan Awam & Korporat

Penulisan  
BPAK

Arahan Seni & Fotografi  
Armin Anuar



08 Lawatan Kerja KPKT ke Taman Sri Jenaris dan Paya Nahu



10 Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019



16 Operasi Pemulihan Kawasan Bencana Kepala Air di Tupah

## ISI KANDUNGAN

- 01 Editorial
- 02 Perutusan Yang Dipertua
- 03 Berita Ringkas
- 04 Kempen Bayar Cukai Pintu 2021
- 06 Kunjungan KSN ke Pantai Merdeka
- 08 Lawatan KPKT ke Taman Sri Jenaris & Paya Nahu
- 10 Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang APC 2019
- 12 Majlis Penyampaian Sumbangan dan Berbuka Puasa Bersama Menteri Besar Kedah
- 14 Kunjungan Kementerian Sumber Tenaga Manusia ke Kawasan Perindustrian Bakar Arang
- 15 Operasi PPV Mega Amanjaya Sports Arena

16 Operasi Pemulihan Kawasan Bencana Kepala Air

17 Infografik Vaksinasi: Apa Perlu Anda Tahu

18 Ragam MPSPK: Sekitar Vaksinasi Dewan Kenangan MPSPK

### Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan



FASA 1  
Pekerja kesisihatan, perkhidmatan penting & pertahanan  
**500,000**  
Feb – Apr 2021

FASA 2  
Warga emas, pesakit penyakit kronik & OKU  
**9.4 juta**  
Apr – Ogos 2021

FASA 3  
Populasi dewasa berumur 18 tahun ke atas  
**13.7 juta**  
Mei 2021 – Feb 2022

LINDUNG DIRI,  
LINDUNG SEMUA.

JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKAV)





Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT yang telah memberikan petunjuk dan hidayah-Nya kepada kita bagi memulakan langkah mencari jalan keluar daripada segala kekalutan pandemik, kegawatan ekonomi yang membelenggu negara dan dunia.

Dalam ucapan belanjawan 2021 yang lepas YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) sebagai suatu panduan peralihan keluar daripada Perintah Kawalan Pergerakan secara berfasa. Pelan ini membolehkan kita membuat perancangan yang sejajar dengan langkah-langkah Kerajaan untuk melawan COVID-19 dan memulihkan negara.

Salah satu langkah pencegahan penularan pandemik ini adalah pengenalan konsep Berkerja Dari Rumah (BDR). Bagi sektor kerajaan, amalan bekerja dari rumah menimbulkan beberapa persoalan dan tanda tanya berikutkan ramai yang tidak jelas tentang konsep ini.

Konsep bekerja dari rumah semasa COVID-19 tidak sama ketika dilaksanakan dalam amalan biasa. Bagi perkhidmatan sektor awam, secara umum terdapat pekeliling am untuk perkara ini. Kumpulan pekerja yang terlibat adalah satu kelompok tertentu sahaja dan amalannya tidak meluas. Ketika penularan COVID-19, bekerja dari rumah membantu mengurangkan risiko jangkitan melalui kurangnya kontak langsung antara pekerja dengan mereka yang berpotensi menjadi pembawa virus.

Konsep bekerja dari rumah memerlukan aspek disiplin kerja dan penjadualan yang sistematik. Justeru, penting untuk mempunyai jadual jelas dan berpegang teguh dengan ketetapannya. Bekerja dari rumah sepanjang PKP memerlukan disiplin tinggi untuk mencapai tahap keberkesanan yang terbaik.

Akhir kata kita mestilah terus bersabar dan berdisiplin. Amalkan disiplin kendi-ri yang tinggi walaupun sudah divaksinasi. Pakai pelitup muka di tempat awam, elakkan berada di tempat sesak, sentiasa basuh tangan dan pastikan anda sentiasa berada di ruang yang mempunyai pengudaraan yang baik.

  
anda  
Tuan Haji Syed Khairol Anuar bin  
AMK., BCK., ASK.,  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Sungai Petani

# INFO/TALIAN MPSPK

- |  |   |
|--|---|
| 01 SEKSYEN LETAK KERETA<br><b>04-429 6665</b>                    | 06 JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN<br><b>04-429 6738</b>         |
| 02 JABATAN KEWANGAN<br><b>04-429 6751</b>                        | 07 JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT<br><b>04-429 6774</b>         |
| 03 JABATAN PENILAIAN &<br>PENGURUSAN HARTA<br><b>04-429 6701</b> | 08 JABATAN LANSKAP & REKREASI<br><b>04-429 6787</b>             |
| 04 JABATAN PERANCANG BANDAR<br><b>04-429 6652</b>                | 09 JABATAN PENGUATKUASAAN<br><b>04-429 6780 / 81</b>            |
| 05 JABATAN KEJURUTERAAN<br><b>04-429 6629</b>                    | 10 JABATAN BANGUNAN<br><b>04-429 6676</b><br><b>04-429 6689</b> |

# TERIMA KASIH

## KEPADA PEMILIK HARTA YANG TELAH MENJELASKAN CUKAI TAKSIRAN ANDA UNTUK TAHUN 2021

## KURSUS PENGURUSAN APLIKASI SISTEM E-ADUAN



17/02/2021  
Bilik Gerakan, Aras 5, Menara MPSPK

Kursus aplikasi penggunaan sistem e-Aduan kepada Ahli Majlis MPSPK telah berjaya dilangsungkan di Bilik Gerakan MPSPK. Kursus tersebut telah diadakan sebanyak 2 sesi iaitu pada pagi dan petang serta melibatkan keseluruhan 18 orang Ahli Majlis MPSPK.

Dianjurkan oleh Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat yang turut bertindak sebagai urusetia dan pemudahcara.

## Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Peringkat Kuala Muda



03/03/2021  
Pusat Pemberian Vaksin Daerah K. Muda

Jumlah pemberian vaksin harian yang tinggi membuktikan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang dimulakan pada 24 Februari lalu berjalan dengan baik.

Usaha kerajaan disandarkan bagi memberi jaminan agar semua yang layak mendapat suntikan vaksin akan menerimanya bagi mencapai sasaran imuniti kelompok sebelum akhir tahun ini.

Program imunisasi akan dilaksanakan dalam tiga fasa sehingga 22 Feb tahun depan dengan fasa pertama bermula pada 26 Feb hingga April 2021.

Penganjuran kursus tersebut juga sebagai pengenalan sistem e-Aduan kepada Ahli Majlis. Melalui sistem tersebut, pengadu akan dapat memantau perkembangan aduan mereka.

Sistem e-Aduan juga telah dinaiktaraf dan kini boleh diakses di mana sahaja sekaligus memudahkan proses penerimaan aduan daripada orang awam. Sistem ini juga membolehkan proses membuat aduan, semakan aduan, penerimaan maklum balas dan penilaian tahap kepuasan penyelesaian dilaksanakan secara dalam talian.



## Taklimat AADK: Bahaya Dadah



11/03/2021  
Dewan Bankuet, Menara MPSPK Aras 6

AADK Daerah Kuala Muda telah dijemput oleh MPSPK untuk menyampaikan Taklimat Berkaitan Bahaya Penyalahgunaan Dadah kepada barisan Ahli Majlis dan juga kakitangan MPSPK.

Taklimat ini disampaikan secara santai dan bersahaja oleh Dr. Azemi bin Shaari, Pengerusi JKPD-AADK Daerah Kuala Muda, serta Pengerusi AWAS Daerah Kerian, Perak.

Diharapkan melalui program sebegini dapat membuka kesedaran masyarakat agar lebih peka tentang bahaya penyalahgunaan dadah di dalam komuniti.



## KEMPEN BAYAR CUKAI TAKSIRAN 2021



Sudahkah anda menunaikan tanggungjawab anda untuk membayar cukai taksiran. Tahukah anda, cukai ini mesti dibayar dua kali setahun. Pembayar wajib membayar cukai taksiran untuk pegangan dua kali dalam setahun di mana penggal pertama sebelum 28 Februari dan penggal kedua sebelum 31 Ogos.

Jika belum, sila bayar dengan segera bagi mengelakkan dikenakan denda, harta disita dan tindakan undang-undang keatas kediaman atau premis perniagaan anda.

5000 pembayar terawal yang melunaskan 2 penggal bayaian secara walk-in akan menerima hadiah istimewa berupa jute bag khas MPSPK. Mengikut akta kerajaan tempatan 1976(Akta 171) di bawah seksyen 127 berikut adalah senarai yang perlu membayar cukai taksiran.

Semua pegangan persendirian seperti bangunan kediaman, bangunan industri, tanah pertanian dan termasuk tanah kosong/lot tanah yang belum dibangunkan.

Orang ramai dinasihatkan untuk menyemak dan menceatak bil melalui portal rasmi MPSPK di laman: [www.mpspk.gov.my](http://www.mpspk.gov.my) selain membuat pembayaran melalui kaunter pandu lalu dan mesin kiosk di Menara MPSPK.

Selain itu anda juga digalakkan membayar dengan menggunakan aplikasi PBTPay bagi memudahkan anda membuat semakan serta urusan pembayaran cukai taksiran. Kini urusan pembayaran adalah lebih cepat, mudah malah boleh dilakukan dimana-mana sahaja.





## LAWATAN KSN KE DAERAH KUALA MUDA

09/03/2021

Sekitar Kuala Muda



Satu lawatan kerja dari Pejabat Ketua Setiausaha Negara yang mewakili pihak Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali untuk meninjau beberapa tapak serta kawasan yang sesuai untuk tujuan kerja kursus rasmi.

Lawatan yang diketui oleh Pegawai Khas Media , Puan Hasnah binti Ahmad dan Pegawai Khas, Encik Muhammad Akram bin Ab. Aziz telah meninjau 2 kawasan potensi utama iaitu Dataran Tsunami di Kota Kuala Muda dan Pantai Merdeka.

Tidak ketinggalan Setiausaha MPSPK Puan Sunita binti Aziz, mengiringi lawatan bersama Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Puan Faten binti Sobri.





## LAWATAN JPSPN KE TAPAK PELUPUSAN SEMELING

08/04/2021

Semeling, Bedong

Ekoran dari kejadian kebakaran dan bau busuk di sekitar Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Semeling yang terletak di Bedong, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara(JPSPN) yang diketuai oleh Yang Berusaha Tuan Zamakhshari bin Hanipah turun padang untuk mendengar sendiri permasalahan disini.

Ini adalah lawatan rasmi pertama Tuan Zamakhshari bin Hanipah yang dahulunya adalah mantan Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Operasi) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Lawatan tapak dan perbicangan ini memfokuskan kepada penyelesaian secara menyeluruh yang boleh ditangani oleh semua agensi kerajaan yang terlibat.



Antara agensi yang hadir memberi taklimat adalah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, SWCorp serta Polis Diraja Malaysia Daerah Kuala Muda.

Tuan Syed Khairul Anuar bin Syed Abidin Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sungai Petani dan Puan Sunita binti Abdul Aziz Setiausaha Majlis Perbandaran Sungai Petani turut sama hadir adalah Tuan Haji Ayob bin Din, Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Puan Rohani binti Abu Bakar Pegawai Perancang Bandar dan Desa MPSPK.



## LAWATAN KERJA KPKT KE TAMAN SRI JENARIS & PAYA NAHU

28/03/2021

Sekitar Kuala Muda

Program ini melibatkan lawatan kerja ke Flat Taman Sri Jenaris, Tikam Batu dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Paya Nahu, Sungai Petani. Lawatan kerja pada kali ini memfokuskan program-program perumahan yang berada di bawah seliaan Sektor Kesejahteraan Bandar KPKT.

Lawatan ke kedua-dua buah kawasan tersebut juga sebagai mengakhiri program lawatan selama dua hari yang bermula di Taiping, Perak. Lawatan kerja tersebut telah diketuai oleh YBhg. Datuk Azhar bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar)



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama Setiausaha Bahagian Kesejahteraan Bandar, Dato' Muhamad bin Musa.

Rombongan lawatan kerja selama sehari itu turut meluang-kang masa bersama komuniti masyarakat di PPR Paya Nahu serta mendengar beberapa taklimat berkenaan dengan perkembangan program kesejahteraan bandar kelolaan KPKT.

Turut hadir, Tuan Nasrun bin Dato' Mohd Sheriff, Setiausaha Bahagian Perumahan Negeri Kedah bersama Tuan Syed Khairul Anuar bin Syed Abidin, Yang Dipertua MPSPK & Puan Sunita binti Abdul Aziz, Setiausaha MPSPK. Turut sama hadir adalah Pengarah dan Ketua-Ketua Bahagian.



1. Yang Dipertua Tuan Syed Khairol Anuar Syed Abidin menerima cenderahati dari wakil Bahagian Kesejahteraan Bandar sambil disaksikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha YBhg. Datuk Azhar bin Ahmad.

2. Yang Dipertua Tuan Syed Khairol Anuar Syed Abidin turut meluang masa menanam pokok di perkarangan PPR Paya Nahu.

3. Wakil komuniti PPR Paya Nahu turut berbesar hati memberikan beberapa cenderahati kenang-kenangan kepada YDP Tuan Syed Khairol Anuar Syed Abidin.



## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019

Laluan Auditorium, Aras 1 Menara MPSPK, 31/3/2021



Setelah tertangguh lebih 2 tahun akibat pandemik virus Covid-19, akhirnya Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2019 dapat juga diadakan ketika fasa SOP keselamatan dari MKN dilonggarkan. Untuk waktu ini pelabagai majlis keraian umum boleh diadakan bersama syarat ketat SOP keselamatan yang dibenarkan.

Seramai 41 warga kerja MPSPK dari pelbagai jabatan dan bahagian telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019, manakala seramai 14 orang pesara pula telah menerima cenderahati istimewa Dinar Emas Pos Ar-Rahnu.

Majlis kali ini hanyalah dihadiri oleh penerima-penerima anugerah dan bakal pesara sahaja sesuai dengan SOP keselamatan dari MKN.

Acara majlis disempurnakan oleh Yang Dipertua Tuan Syed Khairol Anuar Syed Abidin bersama Setiausaha Puan Sunita bt Aziz.

Yang Di Pertua, memberi ucapan padat yang menyentuh perihal sumbangan jasa seikhlas hati serta pengorbanan dan keringat kepada semua rakan sejawat dan keluarga.

Semua penerima APC menerima Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan hadiah wang tunai berjumlah RM1000.00 yang akan dikreditkan ke dalam akaun gaji penerima anugerah.

Dibawah adalah senarai nama-nama pesara yang diraikan pada Majlis APC kali ini;

1. Abdul Halim bin Ahmad
2. Mohd Zulkifli bin Mohd Ghazali
3. Muniroh binti Ismail
4. NurAzam bin Sharif
5. Norlelah binti Zainal
6. Rokiah binti Mohamad
7. Shaipol bin Abu Seman
8. Sharifah binti Ahmad
9. Mohamad Fadzil bin Mohd Halim
10. Che Rus binti Taib
11. Zainon bin Ahmad
12. Abu Bakar bin Ahmad
13. Asni Hanipah bin Ismail
14. Norshimah binti Nasir



1. Inilah cenderahati istimewa Dinar Emas Pos Ar-Rahnu seberat 5gram (24karat) yang telah diberikan kepada semua pesara MPSPK.

2. Yang Dipertua Tuan Syed Khairol Anuar Syed Abidin sambil disaksikan oleh Setiausaha Puan Sunita bt Aziz dan Presiden CUEPACS, Encik Adnan bin Mat memotong kek untuk dijamukan kepada semua peserta majlis. .

3. Tahniah diucapkan kepada Encik Magenthran a/l Subramaniam , salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019.





## MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN & BERBUKA PUASA BERSAMA MENTERI BESAR KEDAH

25/04/2021

Masjid Ibrahim, Kampung Penghulu Him



Seramai 150 orang sukarelawan menerima sumbangan daripada Menteri Besar Kedah sempena Majlis Penyampaian Sumbangan dan Berbuka Puasa baru-baru ini dan mereka yang terpilih ini merupakan sebahagian daripada 450 orang penerima sumbangan di Daerah Kuala Muda.

Majlis anjuran bersama Pejabat Menteri Besar Kedah dan Pejabat Daerah Kuala Muda yang diadakan di Masjid Ibrahim, Kampung Penghulu Him itu menyaksikan sukarelawan yang terdiri daripada bidan kampung, bomoh patah, mudim, guru Al Quran, jurumandi jenazah serta penggali kubur Daerah Kuala Muda menerima sumbangan berupa wang tunai RM200 berserta barang lain.

Menurut Menteri Besar Kedah, yang juga ADUN Jeneri, Muhammad Sanusi Md Nor, khidmat sukarelawan ini telah lama wujud dan mereka ini berkhidmat tanpa mengira waktu serta tidak mengharapkan balasan.

Tambahnya lagi, khidmat sukarelawan ini hendaklah diteruskan supaya menjadi inspirasi dan melahirkan lebih ramai lagi pelapis sukarelawan dalam kalangan generasi muda pada masa akan datang.

Antara tamu yang hadir adalah Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah; Yang Berhormat Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim, Pegawai Kewangan Negeri Kedah Yang Berhormat; Dato' Haji Isahak bin Murat, Pegawai Daerah dan Tanah Kuala Muda; Abdullah Hashim serta Yang Dipertua MPSPK; Tuan Haji Syed Khairol Anuar.





1



1. Semua tetamu kehormat bergambar kenang kenangan bersama Menteri Besar Kedah, YAB Muhammad Sanusi Md Noor.

2. Menteri Besar Kedah,YAB Muhammad Sanusi Md Nor tidak ketinggalan memberika cenderahati kepada salah seorang ahli jawatankuasa Masjid Ibrahim, Penghulu Him.

3. Menteri Besar Kedah,YAB Muhammad Sanusi Md Nor menurunkan tandatangan di buku tamu Masjid Ibrahim sambil disaksikan oleh orang ramai.

2



3





## OPERASI KHAS PEMATUHAN AKTA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA KE SUNGAI PETANI, KEDAH

11/06/2021

Kawasan Perindustrian Bakar Arang, Sg Petani

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Haji Awang bin Hashim mengetuai Operasi Khas Pematuhan Akta 446 dan PPN Akta 342 bertempat di Sungai Petani, Kedah.

Turut hadir menyertai Operasi ini adalah Yang Dipertua Tuan Syed Khairol Anuar Syed Abidin, Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Tn. Haji Mohd Asri bin Abd Wahab, ACP Adzli Bin Abu Shah KPD Kuala Muda Polis Diraja Malaysia, Wakil JKPP serta Wakil PERKE-SO.



Operasi ini dijalankan untuk tujuan pemeriksaan kesalahan Seksyen 24D iaitu tidak ada perakuan penginapan serta mengamati SOP(operasi prosedur standard) Covid-19 beberapa pengilang di kawasan perindustrian Bakar Arang, Sungai Petani.

Turut diperiksa adalah beberapa kediaman asrama pekerja-pekerja di sekitar Taman Cahaya (PKNK).

Akibat kenaikan kluster-kluster jangkitan COVID-19 di tempat kerja yang saban hari membimbangkan, operasi sebegini adalah langkah menyokong usaha kerajaan dalam memastikan penularan wabak COVID-19 dapat dikekang.



1

1. Pemeriksaan secara ad hoc dari salah satu kediaman asrama yang didapati tidak mengikuti pematuhan Akta.

2. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Haji Awang bin Hashim yang ditemani ACP Adzli Bin Abu Shah KPD Kuala Muda memberikan beberapa penerangan kepada pengilang.

3. Yang Dipertua MPSPK Tuan Syed Khairol Anuar Syed Abidin meluangkan masa untuk ditemubual oleh pihak media tempatan.



2



3



# PUSAT PEMBERIAN AMANJAYA SUNGAI PETANI,

LINDUNG DIRI



## OPERASI PPV MEGA AMANJAYA SPORTS ARENA

05/08/21

Amanjaya Sports Arena, Bandar Amanjaya



Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mega Amanjaya Sports Arena Sungai Petani sebuah PPV Integrasi terbesar di akan mula beroperasi pada 6 Ogos bagi menampung keperlukan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Pegawai Daerah Kuala Muda Abdullah Hasim, memaklumkan seramai 1500 penerima vaksin akan menerima suntikan dos pertama mereka pada hari pertama pengoperasiannya dan akan ditingkatkan kepada 5000 dos suntikan apabila beroperasi sepenuhnya nanti.

Pengoperasian PPV Mega ini adalah kerjasama di antara Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) Daerah Kuala Muda bersama Protect Health Corporation Sdn. Bhd melalui penyedia perkhidmatan kesihatan (HCO) yang

dilantik iaitu Murshida Medical Centre serta Poliklinik An-Nisa. "Sehingga kini jumlah penerima vaksin untuk usia 18 tahun keatas di daerah Kuala Muda telah mencapai 32.3% (124,506 individu) bagi suntikan dos pertama, manakala 19% (68,958 individu) telah selesai menerima dos kedua," kata Pegawai Daerah Kuala Muda Abdullah Hasim di Amanjaya Sports Arena.

Menurut Abdullah, setakat hari ini jumlah penduduk yang sudah mendaftar melalui MySejahtera adalah seramai 324,521 (89.42%) daripada keseluruhan 362,900 orang penduduk di Kuala Muda.

CITF Daerah Kuala Muda juga mendapat bantuan daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bahagian trafik serta Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) bagi tujuan memudahkan pergerakan orang ramai yang hadir.





## OPERASI PEMULIHAN BENCANA KEPALA AIR

19/08/21

Taman Lembah Merbok.

Bencana kepala air Gunung Jerai yang menimpa baru-baru ini memberi kesan kepada penduduk di sekitar kawasan Lembah Bujang dan Tupah. Tinjauan mendapati beberapa kawasan dipenuhi batang pokok yang tersangkut dan tersadai di Hutan Lipur Tupah.

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) sudah mengenal pasti langkah dan tindakan segera untuk membantu proses pemulihan akibat banjir lumpur dari kejadian bencana kepala air ini.

Ketua Setiausaha KASA, Datuk Seri Zaini Ujang, bersama beberapa pegawai kanan melakukan tinjauan ke tempat kejadian hari ini bagi memastikan kerja-kerja bantuan dengan kerjasama pelbagai agensi dapat dilaksanakan.



Punca kejadian kepala air berlaku apabila tanah yang lemah mendapat beban atau diganggu dan tepu dengan air, mengalir ke cerun sebagai tindak balas graviti apabila hujan lebat.

Kebiasaannya, aliran puing bermula dari hulu di kawasan pergunungan, mempunyai halaju yang tinggi iaitu 14 hingga 15 meter sesaat terutamanya di kawasan ekopelancongan, dan menyebabkan perubahan morfologi signifikan di sepanjang dasar sungai dan lereng gunung.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob turut mengumumkan bantuan segera berjumlah RM75 juta bagi membantu kerajaan negeri Kedah.

# VAKSINASI:

## APA ANDA PERLU TAHU

### SIAPA YANG PATUT AMBIL VAKSIN COVID-19



- Berumur 18 dan ke atas boleh divaksinasi
  - Komorbid\* adalah berisiko tinggi untuk mengalami kesan yang teruk daripada COVID-19 sekiranya dijangkiti
  - Oleh kerana itu, komorbid perlu divaksinasi untuk melindungi mereka dari mengalami kesan yang teruk daripada jangkitan
- \* Komorbid ditakrifkan sebagai orang yang mempunyai dua atau lebih penyakit/keadaan perubatan yang tidak berkaitan secara serentak

### KUMPULAN BERISIKO TINGGI YANG LAYAK UNTUK DIVAKSINASI

Senarai penyakit yang pengidapnya berisiko tinggi dan menjadi KUMPULAN UTAMA untuk divaksinasi



**Diabetes:** Sama ada jenis 1 atau 2



**Obesiti:** BMI >40 dan mempunyai penyakit yang berkaitan dengan obesiti



**Hipertensi/ Darah tinggi**



**Hiper-kolesterolaemia**



**Penyakit jantung** termasuk penyakit jantung kongenital, atrial fibrilasi, penyakit arteri koronari dan lemah jantung



**Penyakit paru-paru:** Asma, Penyakit Pulmonari Obstruktif Kronik (COPD)



**Kanser** (stabil dan telah selesai rawatan)



**Hamil dengan komorbid:** Boleh divaksinasi antara 14-33 minggu



**Penyakit buah pinggang kronik:** Tahap 3-5, menjalani dialisis



**UNTUK MAKLUMAT LANJUT,  
IMBAS KOD QR.**

[vaksincovid.gov.my](http://vaksincovid.gov.my)

**LINDUNG DIRI,  
LINDUNG SEMUA.**



**JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKJAV)**

### BOLEH DIVAKSINASI WALAUPUN DI DALAM KEADAAN...



**Selepas kesakitan akut:** Demam (divaksinasi 2 minggu selepas penyakit)



**Selepas mendapat vaksin lain** (2 minggu selepas divaksinasi)



**Ibu menyusu**



**Alahan ringan:** Makanan, ubat-ubatan, gigitan serangga (ruam, gatal, bengkak)



**HIV:** Keadaan stabil



**Pesakit COVID-19** (divaksinasi 3-6 bulan selepas pulih)

### KONTRAINDIKASI\* TERHADAP VAKSINASI

Terdapat beberapa keadaan yang menjadikan VAKSINASI TIDAK SESUAI, iaitu:

- ✗ **ALERGI TERUK** dan **ANAFILAKSIS**, setelah menerima dos pertama vaksin COVID-19 (jangan ambil dos kedua)
- ✗ **ALAHAN TERUK, ANAFILAKSIS** terhadap vaksin, ubat-ubatan atau bahan lain

Rujuk doktor...

- jika anda mempunyai alahan dan **TIDAK PASTI** mengenai **TAHAP ALAHAN** anda
- untuk **MEMBINCANGKAN JADUAL VAKSINASI** jika anda termasuk dalam salah satu kumpulan berisiko tinggi di bawah:
  - PENYAKIT BERKAITAN DARAH** termasuk mereka yang mengambil ubat seperti ubat pencairan darah
  - LEMAH SISTEM IMUN** disebabkan penyakit atau ubat-ubatan
    - Pesakit barah yang sedang menjalani rawatan
    - Penyakit autoimun: SLE dan artritis reumatoid yang mengambil ubat tertentu
  - Mengambil **STEROID** berterusan

\* Kontraindikasi adalah gejala atau keadaan yang menjadikan sesuatu rawatan berisiko

# Ragam MPSPK



YDP Tuan Syed Khairol Anuar bin Syed Abidin, Pegawai Daerah dan Tanah Kuala Muda, Abdullah Hashim serta YB. Dr. Robert Ling Kui Ee sempat berfoto ketika selesai menerima dos vaksin pertama di Pusat Pemberian Vaksin Covid-19 Daerah Kuala Muda.

2. Lawatan kerja oleh YBhg. Datuk Azhar bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan YBhg. Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) ke Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) Dewan MPSPK Bandar Laguna Merbok.

3. Aksi beberapa anggota penguatkuasa MPSPK setelah selesai di vaksin dos ke-dua.

4. Salah seorang anggota Penguatkuasa MPSPK tenang ketika menerima suntikan dos kedua vaksin Pfizer.

1. YB Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim and ACP Adzli Bin Abu Shah KPD Kuala Muda mendengar taklimat dari petugas PPV Dewan Kenangan MPSPK, Daerah Kuala Muda.

# Info Direktori

## Sekitar Sungai Petani

Jabatan Alam Sekitar (JAS)	044235633
Jabatan Kerja Raya (JKR)	044214040/42
Jabatan Pengairan & Saliran	044212209
Jabatan Pendaftaran Negara	044216391
Jabatan Penerangan	044211621
SADA Sg. Petani	044210848
Pejabat Daerah	044211963
Pejabat Tanah	044212122
IPD Daerah Kuala Muda	044236999
Aduan Jabatan Kerja Air	044217606
Biro Pengaduan Awam (Pulau Pinang)	042636893
Jab. Pertahanan Awam (JPAM)	044233193
Bomba Sungai Petani	044214444



Kampung Permatang Tengah, Kuala Muda



IMBAS KOD QR

## MPSPK

Majlis Perbandaran Sungai Petani  
*Sungai Petani Municipal Council*  
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman

Tel | 604-429 6666 / 429 6700  
Fax | 604-429 6655  
Web | [www.mpspk.gov.my](http://www.mpspk.gov.my)  
Email | [admin@mpsdpk.gov.my](mailto:admin@mpsdpk.gov.my)

"TRANSFORMASI KE ARAH KECEMERLANGAN"

© Hakcipta Terpelihara 2021 MPSPK

Penerbitan ini boleh diterbit semula keseluruhan dan sebahagiannya bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hakcipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senasihah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Sungai Petani. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran berulis daripada Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Segala hasil penulisan dan fotografi adalah hakmilik Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Diterbitkan oleh Bahagian Perhubungan Awam & Korporat, Majlis Perbandaran Sungai Petani.